

## BANK ISLAM RAI PEMENANG KEMPEN AL-AWFAR

*Cabutan Jun 2024 rai dua jutawan baharu*

**KUANTAN, PAHANG, Khamis, [12 September 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) telah meraikan dua (2) orang Jutawan Al-Awfar dalam satu majlis Penyampaian Hadiah Al-Awfar Cabutan Jun 2024 yang diadakan di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang. Selain itu, seramai lima (5) pemenang terpilih turut membawa pulang hadiah lumayan berupa kereta BMW 320i M Sport, Honda HR-V, Honda City Hatchback, Perodua Myvi 1.5 dan wang tunai bernilai RM100,000.

Al-Awfar, yang merupakan produk *signature* Bank Islam, merupakan satu akaun pelaburan inovatif berisiko rendah yang berdasarkan konsep *Mudarabah*. Terbuka kepada segenap individu, entiti perniagaan, persatuan, badan agama, sekolah, universiti, kelab dan pertubuhan, dana Al-Awfar dilaburkan dalam portfolio Pembiayaan Rumah dan Aset Tetap sedia ada Bank Islam bagi memastikan pelaburan yang mampan.

Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed. Turut hadir, Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram dan Pengarah Deposit dan Kad Bank Islam, Mohd Noor Jab.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram berkata, "Setelah 15 tahun berada di pasaran, Al-Awfar terus menerima sambutan yang amat memberangsangkan daripada pasaran dengan merekodkan saiz dana berjumlah lebih RM5.1 bilion menerusi 1.3 juta akaun. Semua ini tidak mampu dicapai tanpa kepercayaan dan sokongan daripada pelanggan terhadap Bank Islam."

Sehingga kini, Bank Islam telah melahirkan seramai 44 orang Jutawan Al-Awfar dengan ramai pelanggan yang memenangi pelbagai hadiah menarik melalui 15 kategori yang disediakan.

"Sebagai sebuah bank yang mendahulukan kemakmuran untuk semua, Bank Islam menawarkan penyelesaian patuh Syariah yang komprehensif kepada pelanggan kami. Justeru, selain memudahkan urusan simpanan dan pelaburan pelanggan, kami turut menyediakan Cabutan Al-Awfar sebagai nilai tambah untuk menghargai sokongan yang diterima daripada pasaran sejak produk ini diperkenalkan pada tahun 2009," tambah beliau.

Senarai pemenang Cabutan Al-Awfar Jun 2024 adalah seperti berikut:

No.	Nama	Hadiah	Kategori Cabutan
1.	Ariffin Mahaiyuddin	Wang tunai RM1 juta	Jutawan
2.	Mohd Yusoff Ahmad	Wang tunai RM1 juta	Jutawan
3.	Mohd Saidi Mat Ali	Kereta BMW 320i M Sport	Setengah Tahun
4.	Dato' Asmawi Harun	Kereta Honda HR-V	Setengah Tahun
5.	Che Zakiah Mat Din	Wang tunai RM100 ribu	Kesetiaan 2
6.	Nur Shamimi Mohd Bazli	Kereta Honda City Hatchback	Gradone
7.	Muhammad Munshi Arif Mohamad Nasir	Kereta Perodua Myvi 1.5	Gradone

Sebagai usaha untuk memastikan ketelusan, Bank Islam akan menghebahkan senarai nama pemenang Cabutan Al-Awfar melalui akaun rasmi Facebook dan Instagram Bank Islam.

Maklumat lanjut berkenaan akaun Al-Awfar boleh didapati di laman rasmi [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) dan media sosial Bank Islam.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.